

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## INDEKS KOS BAHAN BINAAN

JUN 2025

**Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 1.0 peratus hingga negatif 3.1 peratus pada Jun 2025**

**PUTRAJAYA, 10 Julai 2025** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JUN 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa indeks harga besi menunjukkan sedikit penurunan pada Jun 2025, iaitu antara negatif 1.0 peratus sehingga negatif 3.1 peratus berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi indeks harga bahan ini dicatatkan di Pahang (-3.1%), diikuti dengan Sibu (-2.5%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-2.1%). Walau bagaimanapun, peningkatan kecil direkodkan di beberapa kawasan seperti Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (0.4%), manakala Miri merekodkan kenaikan 0.3 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa indeks harga seunit keratan keluli dan logam menunjukkan penurunan kecil pada Jun 2025, dengan kadar perubahan bulan ke bulan dicatatkan antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 0.7 peratus. Penurunan ini mencerminkan penyusutan harga yang sederhana dalam pasaran bahan logam dan keluli.

**Embargo** : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Khamis, 10 Julai 2025**

Selain daripada itu, indeks harga simen turut mencatatkan peningkatan marginal pada Jun 2025, iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.2 peratus berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini melibatkan semua kawasan di Semenanjung Malaysia serta di negeri Sabah dan Sarawak, menunjukkan trend kenaikan yang agak konsisten merentasi kawasan.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Jun 2024 dan Jun 2025 menunjukkan bahawa indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.3 peratus hingga 3.7 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks ini dicatatkan di Johor (3.7%), diikuti dengan Tawau (3.6%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.5%).

Selain daripada itu, perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 5.1 peratus hingga negatif 15.5 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu, melibatkan kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia juga telah menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan kecil (0.1%) dengan purata harga RM3,480.10 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Mei 2025: RM3,476.75 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* juga telah mencatatkan peningkatan kecil (0.2%) dengan purata harga RM23.80 per 50 kg sekarung berbanding Mei 2025 (RM23.75 per 50 kg sekarung).

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.0 peratus pada bulan Jun 2025 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Pahang dan Terengganu & Kelantan.

**Embargo** : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Khamis, 10 Julai 2025**

IKB termasuk bar keluli di Sabah juga menunjukkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 0.7 peratus bagi semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Tawau pada Jun 2025 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, IKB di Sandakan pula telah mencatatkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus bagi kebanyakan kategori bangunan.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak juga merekodkan penurunan kecil antara negatif 0.5 peratus hingga negatif 1.1 peratus bagi beberapa kategori bangunan di Sibu. Manakala IKB di Kuching dan Miri pula telah mencatatkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus dan 0.2 peratus bagi kebanyakan kategori bangunan.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuatkan kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Embargo** : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 10 Julai 2025

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Jun 2023 – Jun 2025**



**Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Jun 2023 – Jun 2025**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 JULAI 2025**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 10, 2025**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## BUILDING COST INDEX, MALAYSIA

JUNE 2025

---

***The unit price index of steel recorded a decrease between negative 1.0 per cent to negative 3.1 per cent in June 2025***

**PUTRAJAYA, July 10, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JUNE 2025.** This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

*In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the unit price index of steel recorded a slight decrease in June 2025, ranging from negative 1.0 per cent to negative 3.1 per cent as compared to the previous month. The highest decrease was observed in Pahang (-3.1%), followed by Sibu (-2.5%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-2.1%). However, a slight increase was recorded in several areas, including Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.4%), while Miri registered an increase of 0.3 per cent.*

*The Chief Statistician Malaysia also informed that the unit price index of steel and metal sections showed a decline in June 2025, with month-on-month change ranging from negative 0.2 per cent to negative 0.7 per cent. This decrease reflects a moderate softening in the prices of metal and steel materials in the market.*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 10, 2025

*In addition, the unit price index of cement recorded a marginal increase in June 2025, ranging between 0.1 per cent and 0.2 per cent as compared to the previous month. This increase was observed across all areas in Peninsular Malaysia as well as in the states of Sabah and Sarawak, indicating a relatively consistent upward trend across the areas.*

*An annual comparison for the period of June 2024 and June 2025 indicated that the unit price index of cement increased between 0.3 per cent to 3.7 per cent for across most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Johor (3.7%), followed by Tawau (3.6%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.5%).*

*Nevertheless, the year-on-year comparison of the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 5.1 per cent to negative 15.5 per cent in June 2025 as compared to the same month last year, involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.*

*The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a slight increase (0.1%) with an average price of RM3,480.10 per metric tonne as compared to the previous month (May 2025: RM3,476.75 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement also showed a slight increase (0.2%), with an average price of RM23.80 per 50 kg bag as compared to May 2025 (RM23.75 per 50 kg bag).*

*BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 1.0 per cent in June 2025 as compared to the previous month. The decrease for BCI with steel was recorded for almost all building categories in Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Pahang and Terengganu & Kelantan.*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 10, 2025

*BCI with steel bars in Sabah also registered a slight decrease between negative 0.3 per cent to negative 0.7 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Tawau in June 2025 as compared to the previous month. Meanwhile, BCI in Sandakan recorded an increase of 0.1 per cent for almost all categories of building.*

*A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak also recorded a slight decrease between negative 0.5 per cent to negative 1.1 per cent for almost all categories of buildings in Sibu. Meanwhile, BCI in Kuching and Miri recorded an increase between 0.1 and 0.2 per cent for almost all categories of building.*

*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15<sup>th</sup> ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*


*Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.*

*The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*


*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, July 10, 2025

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, June 2023 – June 2025**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, June 2023 – June 2025**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
10 JULY 2025**